MINGGU / TEMA	STANDARD PEMBELAJARAN	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	KESEPADUAN	AKTIVITI PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
	Bidang: **Kognitif** **KF 1.1.2*** Mengenal nombor. **KF 1.1.5*** Mengecam dan menamakan bentuk objek di persekitaran. **KF 1.2.1** Meneroka kejadian alam.	Mengenal, membilang dan menulis nombor 4 dan 5, mengecam dan menamakan bentuk tiga dimensi serta meramal objek yang boleh bergolek.	**KE 1.2.1** Mengenal kepelbagaian warna, bentuk, tekstur dalam karya seni visual. **SE 3.2.3** Menyampaikan idea dan bersedia untuk mendengar pandangan orang lain.	**Aktiviti 1 (Matematik): Nombor 4 dan 5** - Murid membilang objek maujud seperti blok dan butang sehingga 4 dan 5, lalu memadankannya dengan kad angka. - Murid berlatih menulis angka 4 dan 5 mengikut arah tulisan yang betul. **Aktiviti 2 (Matematik): Cari Bentuk 3D** - Murid meneroka objek sebenar seperti bola, kotak, tin dan bongkah berbentuk sfera, kubus, kuboid, silinder dan piramid. - Murid menamakan bentuk itu dan mencari objek lain di kelas yang mempunyai bentuk yang sama. **Aktiviti 3 (Sains): [illegible] atau Tidak?** - Murid [illegible] sfera, kubus dan silinder yang boleh bergolek sebanyak mungkin di atas papan condong. - Murid mengasingkan objek kepada kumpulan bergolek dan tidak bergolek dan menyatakan perbezaan bentuknya.	KF2 TP1; KF3 TP1–TP2
	Bidang: **Sosioemosi** **SE 1.2.1** Menyatakan sebab terjadinya emosi tertentu. **SE 1.2.2** Mengetahui pelbagai emosi berlaku dalam situasi yang sama.	Meny[illegible] kura[illegible] kurab[illegible] berlakuny[illegible] Mengenal pasti bahawa lebih daripadu satu emosi boleh berlaku dalam situasi sama.	**BM 1.1.3** Mendengar dan memahami lagu, puisi dan cerita kanak-kanak.	**Aktiviti 1: Mengapa Saya Rasa Begini?** Murid melihat gambar situasi seperti mainan rosak atau rakan datang melawat. - Murid menamakan emosi yang mungkin dirasai lalu melengkapkan ayat "Saya rasa ... kerana ...". - Murid yang hanya menunjuk dengan perlakuan dibimbing untuk menyatakan sebabnya. **Aktiviti 2: Satu Situasi, Dua Perasaan** - Murid mendengar satu situasi, contohnya hari pertama ke sekolah, sambil memegang dua kad wajah sekali gus. - Murid menerangkan bahawa mereka boleh berasa gembira bertemu kawan baharu tetapi sedih berpisah dengan ibu, dan belajar bahawa dua perasaan pada masa yang sama adalah normal.	SE2 – TP1–TP3

CONTOH

MINGGU / TEMA	STANDARD PEMBELAJARAN	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	KESEPADUAN	AKTIVITI PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Minggu 6 **Tema: Emosi dan Sosial**	**Bidang:** **Bahasa dan Literasi (Bahasa Melayu)** **BM 1.1.4*** Memahami dan memberi respons yang betul dalam pelbagai situasi. **BM 2.1.2*** Berinteraksi dengan sebutan yang jelas dan sopan dalam perbualan harian. **BM 3.2.1*** Mengenal bentuk dan nama huruf. **BM 4.2.1*** Menulis huruf dengan cara yang betul.	Mengenal dan menulis Gg, Hh, Jj. Memberi respons yang sesuai terhadap situasi sosial mudah.	**SE 3.2.2** Memahami perasaan dan keperluan orang lain dan bertindak sewajarnya.	**Aktiviti Asas** **1. Kad Huruf Gg, Hh, Jj** - Murid mengenal dan menyebut huruf Gg, Hh dan Jj melalui kad huruf. - Murid menulis huruf tersebut mengikut arah yang betul pada lembaran kerja. **2. Huruf Rawak A–J** - Murid [illegible] kad [illegible] hingga J secara rawak daripada kotak [illegible] menyebut [illegible] - Murid yang menyebut dengan betul menampal kad itu pada carta [illegible] jad [illegible] **Aktiviti Bertema** **3. Apa Patut Saya Kata?** - Murid melihat gambar situasi seperti rakan sedih, terjatuh atau memerlukan bantuan. - Murid mendengar soalan guru dan memberikan respons yang sesuai dengan sopan. **4. Lakonan Emosi** - Murid melakonkan situasi mudah secara berpasangan. - Murid memberi respons yang sesuai terhadap perasaan rakan dalam lakonan tersebut.	BM1 dan BM2 TP1–TP3.

CONTOH

MINGGU / TEMA	STANDARD PEMBELAJARAN	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	KESEPADUAN	AKTIVITI PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
	Bidang: **Fizikal dan Kesejahteraan Diri** *(Fokus: Tubuh dan Pergerakan Asas)* **FK 1.1.1** Meniru pelbagai aktiviti pergerakan berdasarkan konsep pergerakan.	Melakukan sekurang-kurangnya 3 jenis laluan pergerakan dengan kawalan badan yang sesuai.	**KF 1.1.4** Mengetahui kedudukan objek dalam ruang.	**Aktiviti Fizikal Luar:** **1. Laluan Lurus** - Murid berjalan dan berlari mengikut garisan lurus yang ditanda dengan kon. - Murid mengekalkan badan tegak dan pandangan ke hadapan. **2. Laluan Berlengkok** - Murid berjalan mengikut garisan berlengkok yang dilukis dengan kapur. Murid mengawal badan supaya tidak terkeluar daripada garisan. **aluan Spiral** urid berjalan perlahan-lahan mengikut laluan spiral dari luar ke ngah. id berputar balik ke luar dengan langkah yang terkawal. **ba Zig-zag** l berlari secara zig-zag di antara kon sambil membawa pundi g sebagai "air". l memasukkan pundi kacang ke dalam baldi di hujung laluan uk "memadamkan api" dan berlari semula ke barisan. *(Diadaptasi daripada Modul Cergas Sihat Selamat: "Jejak Arah Sihat", m.s. 8-10.)* **5. Taman Permainan** - Murid bermain di taman permainan secara bebas dan selamat. - Murid bergerak antara peralatan mengikut laluan yang disukai. **Aktiviti di Dalam Kelas:** **Kenali Jenis Laluan** - Murid memadankan gambar dengan jenis laluan lurus, berlengkok, spiral dan zig-zag. - Murid melukis laluan tersebut menggunakan jari di udara.	FK1 – TP1–TP3: Menilai ketangkasan dan kawalan pergerakan motor kasar.

CONTOH RPT

MINGGU / TEMA	STANDARD PEMBELAJARAN	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	KESEPADUAN	AKTIVITI PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
	Bidang: **Kreativiti dan Estetika** **KE1.2.1** Mengenal kepelbagaian warna, bentuk, tekstur dalam karya seni visual. **KE1.2.2** Mengenal pelbagai bunyi di persekitaran.	Meneroka tekstur dan mengenal pelbagai bunyi.	**KF1.2.1** Meneroka kejadian alam. **KF1.3.3 Mengenal dan mengetahui fungsi peranti** digital dalam pengumpulan maklumat.	**Aktiviti 1: Kolaj Tekstur** - Murid menyentuh dan membandingkan bahan yang lembut, kasar, licin dan beralun seperti kapas, kertas pasir, plastik dan kadbod beralun. - Murid menggunting atau mengoyak bahan itu lalu menampalnya untuk menghasilkan kolaj tekstur. **Aktiviti 2: Teka Bunyi** - Murid mendengar pelbagai bunyi di persekitaran seperti bunyi loceng, air mengalir, kicauan burung dan ketukan pintu melalui rakaman atau objek sebenar. - Murid meneka sumber bunyi dan menunjuk kad gambar yang sepadan.	KE1 TP1–TP2 KE2 TP1
	Bidang: **Kerohanian, Nilai dan Kewarganegaraan** **KW 1.1.3** Menyatakan tanggungjawab terhadap diri. **PM 1.1.1** Menyatakan cara menyayangi diri. **PI 2.1.2** Melafaz kalimah bagi memuji keesaan dan kebesaran Allah SWT. **PI 1.1.1** Menyebut huruf hijaiyah tunggal.	Menyatakan tanggungjawab menjaga deria, menyatakan cara menyayangi diri, melafazkan kalimah memuji Allah SWT, menyebut huruf . hijaiyah tu	**KF 1.2.1** Meneroka kejadian alam.	**KW – Jaga Deria Saya** - Murid memadankan gambar organ deria dengan cara penjagaannya. - menyatakan tanggungjawab diri untuk menjaga mata, telinga, lidah dan kulit. **k Misteri Deria** eroka objek dalam kotak menggunakan sentuhan, bau dan an. atakan cara menyayangi diri dengan menjaga deria nbya. **Deria Ciptaan Allah** ebut nikmat yang dirasai melalui setiap deria. d melafazkan Alhamdulillah dan Subhanallah selepas setiap penerokaan. **PI 2 – Huruf Hijaiyah Pertama** - Murid mendengar dan menyebut huruf hijaiyah alif hingga kha mengikut guru. - Murid menyentuh kad huruf timbul sambil menyebut nama huruf tersebut.	KW: formatif PM1: TP1–TP3 PI1: TP1–TP3 PI3: TP1–TP3

CONTOH RPT